



13 FEB, 2022

Kastam guna kamera badan seawal Jun

Kosmo Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam guna kamera badan seawal Jun

KUALA TERENGGANU – Pemakaian kamera badan dalam kalangan anggota penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dijangka dilaksanakan pada pertengahan tahun ini.

Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir berkata, perolehan bagi peralatan yang bertujuan meningkatkan integriti anggota jabatan tersebut bakal diterima pada bulan Jun.

“Pemakaian peralatan kamera badan akan dilakukan secara berperingkat dan pada fasa pertama, ia dijangka melibatkan lebih 100 anggota penguat kuasa.

“Selain itu, anggota JKDM yang bertugas sebagai *frontliner* (petugas barisan hadapan), contohnya di KLIA (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur) dan stesen-stesen di sempadan juga akan memakai

peralatan terbabit,” katanya ketika ditemui pada program Jalinan Mesra di Sekolah Kebangsaan Bukit Bayas di sini semalam.

Program tersebut dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali.

Kosmo! pada 23 Julai 2020 melaporkan kerajaan pada tahun 2019 bersetuju untuk melaksanakan penggunaan kamera badan pada badan pegawai penguat kuasa seperti kastam, polis dan imigresen bagi menangani kes salah laku.

Cadangan itu dipersetujui memandangkan terdapat pelbagai dakwaan salah laku semasa bertugas termasuk memukul orang yang disiasat.

Penggunaan kamera badan bukan perkara baharu dalam kalangan pasukan penguat kuasa kerana telah dilaksanakan di negara-negara maju antaranya Australia dan Amerika Syarikat.



MOHD. ZUKI menyampaikan sumbangan kepada penerima pada majlis di Sekolah Kebangsaan Bukit Bayas, Kuala Terengganu semalam.



13 FEB, 2022

Kastam guna kamera badan seawal Jun

Kosmo Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA TERENGGANU - Pemakaian kamera badan dalam kalangan anggota penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dijangka dilaksanakan pada pertengahan tahun ini. Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir berkata, perolehan bagi peralatan yang bertujuan meningkatkan integriti anggota jabatan tersebut bakal diterima pada bulan Jun. "Pemakaian peralatan kamera badan akan diiakukan secara berperingkat dan pada fasa pertama, ia dijangka melibatkan lebih 100 anggota penguat kuasa.